

PRINSIP PENCEGAHAN PENYALAHGUNAAN DADAH SATU PERSPEKTIF

Utusan Malaysia, 20 Mei 2006

Menurut perangkaan (2005) yang dikeluarkan sebagai asas perancangan pembangunan belia di Malaysia di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), jumlah keseluruhan generasi muda yang berumur di antara 15 hingga 39 tahun ialah 11.10 juta orang atau 41.5% daripada 26.75 juta rakyat Malaysia. Jumlah generasi muda ini dijangka meningkat sebanyak 5% kepada 11.65 juta orang menjelang tahun 2010. Peningkatan jumlah generasi ini akan memberi kesan kepada masa depan negara. Ia tertakluk persediaan generasi dalam mempertingkatkan kualiti mereka.

Penyalahgunaan dadah meningkat kepada tahap *epidemic* yang membimbangkan. Perangkaan keterlibatan belia dalam gejala dadah amat menggerunkan. Menurut Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan, terdapat 23,062 penagih dilaporkan pada sembilan bulan pertama 2004. Daripada jumlah ini, seramai 10,650 orang adalah penagih baru dan 12,412 orang adalah penagih berulang. Secara purata, seramai 1,331 orang penagih baru dan 1,552 orang penagih berulang dikesan bagi tempoh sebulan. Ini bermakna 44 penagih baru dan 52 penagih berulang dikesan setiap hari dan data terakhir sehingga 2005 ialah seramai 289,763 orang.

Telah banyak bentuk hukuman yang dikenakan kepada pengguna dan pengedar najis dadah. Malah hukuman mati pun masih belum menggerunkan untuk mengurangkan gejala penyalahgunaan dadah. Barangkali tidak keterlaluan jika menyatakan bahawa gejala ini adalah kesan sampingan yang banyak dipengaruhi dari proses pembangunan material. Berkembang pesat perbandaran, maka banyak kawasan-kawasan dan aktiviti yang menarik belia ke arah gejala sosial ini.

Penyalahgunaan dadah di Malaysia ialah pemiagaan besar. Statistik polis menunjukkan penagih membelanjakan lebih RM1 bilion (S\$450 juta) setahun untuk ketagihan mereka.

Menurut, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo, dalam memahami penglibatan dan terjebak belia dalam gejala penagihan dadah ini, ada beberapa perkara utama yang sering menjadi sebab kepada tabiat buruk tersebut.

Pertama., kerana ingin mencuba. Perasaan ingin mencuba ini diikuti dengan ingin menjadi kelihatan kuat dan gagah di kalangan rakan-rakan mereka. Kedua., dipengaruhi rakan-rakan yang sudah terlibat dengan najis dadah. Orang seperti ini ingin menyesuaikan diri dalam kumpulan tersebut. Dengan menghisab dadah mereka dapat menyertai kumpulan tersebut. Ketiga., permasalahan keluarga. Rumah tidak lagi menjadi tempat perlindungan dan kebahagiaan. Rumah yang tidak dipenuhi dengan kasih sayang. Untuk melepaskan rasa kecewa atau kerunsingan, mencuba dadah ini hanya untuk melepaskan kekusutan fikiran, akhirnya mereka terjebak dengan penagihan lalu mengundang kepada lebih banyak masalah. Keempat, diri sendiri yang tidak mempunyai daya kekuatan untuk menolak. *Dare to say NO* (Berani berkata TIDAK) adalah slogan yang seharusnya menjadi pegangan para belia agar mampu menolak perkara-perkara yang negatif yang boleh merosakkan diri, keluarga dan masa depannya. Fenomena ini bukan sahaja berlaku kepada belia di negara., tetapi permasalahan yang sama turut dialami oleh belia di seluruh dunia.

Ada tiga suasana dan perubahan di kalangan belia apabila berhadapan dengan penyalahgunaan dadah berdasar laporan dari Majlis Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu

- i. Populasi yang mudah dipengaruhi (*A Vulnerable population*)

- ii. Mudah mendapat bekalan dadah (*Increased availability of drugs*)
- iii. Trend budaya pengambilan dadah (*Cultural trends and normalisation of drug abuse*)

Ketiga-tiga perubahan yang berlaku ini disebabkan kekurangan budaya kekeluargaan, jiran tetangga dan masyarakat yang dapat membimbing mereka. Apatah lagi dengan sindiket penjualan dadah yang kreatif sehingga para belia tidak sedar menggunakan dadah. Pada mulanya untuk bersukaria., bekerja kuat, belajar akhinya ketagih dan menggunakan untuk merosakkan fikiran dan kelakuan. Dadah yang mula berkembang seperti ekstasi dan syabu, yang dikatakan banyak digunakan oleh belia secara suka-suka.

Pencegahan dan Pemulihan

Proses menangani penyalahgunaan dadah lazimnya mempunyai dua teras iaitu pencegahan (*preventive*) dan pemulihan (*rehabilitative*). Proses pencegahan lebih bersifat proaktif dan menjangka pelbagai kemungkinan yang timbul dari rangkaian penyalahgunaan dadah (*supply chain of drug abuse*) lalu melaksanakan pelbagai dasar dan program tertentu untuk menghalang berlakunya penyalahgunaan dadah.

Langkah-langkah permulaan pula perlu dilakukan hanya setelah gejala penyalahgunaan dadah dikesan. Sejumlah dana terpaksa dibelanjakan untuk membina infrastruktur pemulihan penyalahgunaan dadah seperti pusat serenti dan seumpamanya. Proses pemulihan ini secara realitinya lebih mudah dikaji implikasinya (*ex-post analysis*) berbanding dengan proses pencegahan (*ex-ante analysis*) namun proses pencegahan adalah lebih penting kerana magnitud proses pemulihan banyak bergantung kepada proses pencegahan.

Di dalam tradisi ilmu Islam (*turath al-Islami*), kita diperingatkan bahawa pencegahan lebih utama dari pemulihan 'mencegah lebih utama dari mengubat'.

Berdasarkan keutamaan (*awwliyyat*) ini, sewajarnya lebih banyak dana dan sumber perlu difokuskan kepada langkah-langkah pencegahan. Program-program pencegahan perlu lebih giat dilaksanakan. Implikasinya bukan cuma kepada program pemulihan tetapi juga menghalang timbulnya kesan-kesan lain seperti merebaknya jangkitan HIV/AIDS dan sebagainya.

Ada beberapa prinsip pencegahan yang perlu diambil kira dalam menghadapi permasalahan ini.

i. Prinsip 'Amar Makruf nahi mungkar.

Kita tidak boleh menyelesaikan isu ini dengan pencegahan sahaja. Konsep menggalakkan perkara kebaikan dan mencegah keburukan bukan sahaja berupaya menguatkan individu tersebut tetapi ia juga boleh menghalang suasana yang boleh mendekatkan mereka kepada gejala dadah

ii. Prinsip 'Mencegah lebih baik dari mengubati (*Prevention is better than cure*). Sikap proaktif dalam pencegahan ini lebih baik dari pemulihan. Ia bukan sahaja dapat menyelamatkan masyarakat malah kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan, Oleh itu prinsip ini jelas berkesan dan dapat bertahan dalam jangka masa yang lama. Ini dapat kita lihat statistik penagih dadah yang berulang.

iii. Prinsip 'Kasih Sayang bukan menghukum. Kita meletakkan insan itu ditahap yang tinggi darjatnya jika dibandingkan dengan semua makhluk kejadian Tuhan. Ia perlu dilayan sebagai insan yang punyai maruah dan harga diri. Sudah tentu pendekatan yang kita gunakan adalah untuk membawa mereka ke jalan yang benar dan menyediakan mereka peluang-peluang untuk mereka berjaya dalam kehidupan. Kita tidak perlu menghukum mereka disebabkan kelalaian dan kejahilan mereka sehingga terjerumus dalam penagihan dadah tetapi menyantuni dengan sebaik-sebaiknya atas dasar kemanusiaan. Namun begitu, kesedaran mereka harus ditingkatkan dan mereka juga perlu menunjukkan

perubahan dan berusaha membuang tabiat yang buruk kepada diri dan masyarakat.

iv. Strategi yang berbagai dan bersesuaian dengan gaya kehidupan belia sekarang. Tidak mungkin satu strategi dapat menyelesaikan masalah yang ada kerana sifat manusia yang berbagai. Malah sebab di antara penagih pun berbeza. Oleh itu, strategi yang digunakan perlu berupaya untuk meningkat kekuatan dalaman, kemahiran serta pengetahuan yang baik bagi membolehkan mereka dapat mengawal diri daripada terjebak dalam najis dadah.

v. Belia bukan masalah. Belia mesti dijadikan rakan untuk mengawal merebaknya penagihan najis dadah ini. Peluang harus diberi untuk mereka turut membuat keputusan dalam program yang melibat para belia. Dengan kaedah partisipasi membuat keputusan dan dasar akan mendapat kerjasama yang mudah dari mereka. Penglibatan mereka harus bermula dari bangku sekolah kerana pemahaman perlu dihayati bak kata pepatah 'melentur buluh biar dari rebungunya'

vi. Pencegahan jangan hanya memfokuskan kepada dadah tetapi keseluruhan dalam kehidupan seperti gaya hidup sihat, penjagaan kesihatan, sikap bantu sesama rakan, mengelak diri daripada alkohol dan rokok. Pencegahan ini mestilah dilakukan secara konsisten bukan sekadar di pinggiran atau diarahkan oleh pihak atasan.

iv. Di antara langkah yang boleh dipertimbangkan untuk proses pencegahan ialah membenarkan perkongsian data dan maklumat mengenai kemelut penyalahgunaan dadah dengan kelompok NGO, pihak masjid, sekolah atau IPT dan sebagainya. Perkongsian data dan maklumat ini dapat membangkitkan kesedaran tentang kemampuan dan implikasi penyalahgunaan dadah kepada masyarakat. Kelompok ini juga perlu disertakan dalam kempen pencegahan penyalahgunaan dadah seperti mana yang sedang dilakukan ketika ini. MBM

sedang dan telah mengatur program benci dadah sebagai tanggungjawab untuk memberi kesedaran tentang bahaya dadah serta melibatkan belia dalam persatuan atau aktiviti yang sihat. Dan kelompok yang paling berkesan penyertaannya ialah orang yang terlibat dengan dadah dan yang telah pulih sepenuhnya.